

Jerung Greenland paling lama hidup

Metro Ahad 9/2/25 Pg 22

Washington: Jerung Greenland memegang gelaran sebagai vertebrata paling lama hidup di bumi, dengan spesies itu dianggarkan mampu mencapai usia 500 tahun.

Portal The Brighter Side melaporkan, pemangsa laut dalam itu yang ditemui di perairan Lautan Atlantik Utara dan Lautan Artik, menarik perhatian saintis kerana jangka hayatnya yang luar biasa.

Kadar pertumbuhannya yang perlahan dan biologi misteri menjadikannya subjek penyelidikan berterususan, memberikan pandangan bagaimana beberapa spesies itu dapat menentang had penuaan.

Penemuan besar dalam memahami jangka hayat

jerung Greenland datang daripada pasukan penyelidikan diketuai Julius Nielsen, seorang ahli biologi marin di Universiti Copenhagen.

Nielsen dan pasukannya mendapati seekor jerung Greenland dianggarkan berusia sekurang-kurangnya 272 tahun, dengan beberapa model menunjukkan had umur hampir 500 tahun.

Penemuan ini mengatasi rekod sebelumnya, termasuk paus bowhead yang berusia 211 tahun yang sebelum ini dianggap sebagai vertebrata paling lama hidup.

Menentukan umur jerung Greenland adalah satu cabaran unik bagi saintis. - Agensi

JERUNG Greenland memegang gelaran sebagai vertebrata paling lama hidup di bumi.
- Agensi Wata/Promo/Alamy

